

28 JUN 1998

ANWAR BERTEMU SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat Robert Rubin malam ini.

Menurut seorang pegawai Kedutaan Amerika Syarikat, kedua-dua mereka membincangkan pelbagai isu termasuk krisis matawang serta dagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Rubin juga memberi penerangan kepada Anwar yang juga Menteri Kewangan mengenai lawatan Presiden Bill Clinton ke Beijing dan hasil Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan (G-22) April lepas yang dipengerusikan oleh beliau.

Yang turut hadir ialah Gabenor Bank Negara Tan Sri Ahmad Mohd Don.

Kedua-dua mereka kemudian menghadiri jamuan malam yang dihadiri oleh Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri Tun Daim Zainuddin, Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Dr Aris Othman, Pengerusi Kumpulan Syarikat RHB Tan Sri Rashid Hussain dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Datuk Dr Munir Majid.

Esok, Rubin dijadualkan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tokoh korporat Malaysia dan Amerika Syarikat.

Beliau kemudian akan mengadakan persidangan media sebelum berlepas ke Bangkok dan Korea Selatan, menurut pegawai kedutaan itu.

-- BERNAMA
DVS AKT FAZ
Pembetulan